



KENANGAN ... Salleh (tengah, duduk), Abu Hassan (tiga kiri, duduk) dan HJ Kasim (tiga kanan, duduk) bergambar kenangan bersama peserta.

Jobmarket, UMS anjur Program Cabaran Kerjaya Kebangsaan Ke-5

UB 10.10.2011 B12

KOTA KINABALU: Seramai 72 peserta mewakili 10 universiti dan kolej telah menyertai Program Cabaran Kerjaya Kebangsaan Ke-5 anjuran Jobmarket Malaysia dan Universiti Malaysia Sabah (UMS) di sini kelmarin.

Pengerusi Basis Holding Sdn Bhd, Tan Sri Abu Hassan Omar berkata cabaran pada tahun ini adalah selaras dengan usaha kerajaan dalam memajukan sektor keusahawanan pelancongan.

Menurutnya yang juga mantan Menteri Besar Selangor dan bekas Menteri Kabinet Persekutuan, pihak penganjur telah menyediakan aktiviti peringkat akhir cabaran yang

berkonsepkan pelancongan.

“Bilangan peserta yang mengikuti terdiri daripada 18 pasukan adalah agak tinggi. Ini menunjukkan minat mereka dalam acara ini yang mana semuanya telah dipilih,” katanya dalam satu sidang media yang diadakan di salah sebuah hotel di ibu kota.

Tambahnya, program yang seterusnya akan diadakan di Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS).

Sementara itu, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, Promadya Datuk Dr Kasim Mansur berkata melalui program seumpama itu, ianya akan dapat memberikan nilai tambah golongan siswazah.

“Ini dapat memberikan galakan kepada siswazah agar lebih inovatif dan transformasi seterusnya menjadi graduan serba boleh.

“Bukan hanya cemerlang dalam akademik tapi juga dalam bidang lain. Selain itu, program ini dapat memberikan pendedahan yang baik kepada golongan pelajar,” katanya sambil menambah adalah diharapkan program itu dapat dilakukan pada setiap semester.

Beliau juga menegaskan bahawa golongan siswazah tidak harus hanya bergantung kepada segulung ijazah dalam bersaing mencari pekerjaan, namun melihat peluang dari segi sektor ini sebagai kerjaya.